



JABATAN LANDSKAP NEGARA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 7, 8, 9 & 10, Blok F10
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F
Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

Tel : 03 - 80910500
Fax : 03 - 80910670
Website : www.jln.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : (1) JLN500-6/1/6 (S)
Tarikh : 30 Mei 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

TAWARAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN SKIM PERKHIDMATAN LANDSKAP (PPL) TAHUN 2024 BAGI PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29 DI JABATAN LANDSKAP NEGARA, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Landskap Negara (JLN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan Peperiksaan Skim Perkhidmatan Landskap Tahun 2024 bagi skim perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 yang dijadualkan pada **7 Ogos 2024 hingga 8 Ogos 2024**.

3. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai yang masih belum memenuhi syarat pengesahan perkhidmatan boleh membuat permohonan dengan mengisi borang permohonan menduduki peperiksaan (seperti di lampiran). **Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa kuota calon adalah terhad.** Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada urus setia peperiksaan **selewat-lewatnya pada 26 Julai 2024 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh dikemukakan terus kepada urus setia peperiksaan seperti berikut:

BIL	NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	EMEL
1.	Puan Wan Zafirah Hanim binti Wan Mohamad	03-80910504	wanzafirahhanim@jln.gov.my
2.	Encik Mohamad Asyraf bin Mohamad Sidik	03-80910510	masyraf@jln.gov.my

SULIT

SULIT

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(SYAMSUL ERWIN BIN MUHAMAD LAGIS)
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

SULIT

JADUAL PEPERIKSAAN SKIM PERKHIDMATAN LANDSKAP
JABATAN LANDSKAP NEGARA
TAHUN 2024

BIL.	NAMA PEPERIKSAAN	KOD PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	MASA PEPERIKSAAN	TEMPAT PEPERIKSAAN
1	PEPERIKSAAN SKIM PERKHIDMATAN LANDSKAP PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29					
	SEKSYEN I - Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Landskap	2900A	26 Julai 2024 (Isnin)	7 Ogos 2024 (Rabu)	9.00 AM - 1.00 PM	Makmal Komputer, Aras 8, Jabatan Landskap Negara
	SEKSYEN II - Prinsip Reka Bentuk Landskap (Soalan Subjektif)	2900B	26 Julai 2024 (Isnin)	8 Ogos 2024 (Khamis)	9.00 AM - 11.30 AM	Bilik Latihan Cempaka, Aras 7, Jabatan Landskap Negara
	SEKSYEN III - Binaan Landskap / Landskap Kejur (Soalan Objektif)	2900C	26 Julai 2024 (Isnin)	7 Ogos 2024 (Rabu)	2.30 PM - 3.30 PM	

PANDUAN PERMOHONAN :

- Calon-calun hendaklah **MENGISIKAN NAMA DAN ALAMAT PEJABAT DENGAN LENGKAP** semasa mengisi borang permohonan. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada urus setia peperiksaan.
- Calon-calun digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Pemohon daripada agensi luar Jabatan Landskap Negara perlu mengemukakan surat kebenaran untuk menumpang daripada Lembaga Peperiksaan masing-masing.
- Calon-calun yang tidak mendaftar tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.
- Calon-calun **DIWAJIBKAN MEMATUHI ETIKA PEMAKAIAN (BERPAKAIAN PEJABAT) SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Calon juga tidak dibenarkan memakai seluar jeans. Ketua Pengawas berhak menghalang calon-calun yang tidak mematuhi arahan daripada menduduki peperiksaan.
- Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh dikemukakan terus kepada urus setia Peperiksaan Jabatan Landskap Negara di talian 03-80910506 (Puan Hernizawati binti Abdul Majid) atau 03-80910510 (Encik Mohamad Asyraf bin Mohamad Sidik).